

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

03 APRIL 2019

RABU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	KENAL PASTI KAWASAN BAHARU : MB	2
UTUSAN MALAYSIA	URUS SISA TOKSIK LEBIH BAIK	3
UTUSAN MALAYSIA	SOP DITAMBAH BAIK	4



SINAR HARIAN

SINAR HARIAN 3/4/2019

Kenal pasti kawasan baharu: MB

**Johor cadang
bangunkan
lokasi industri
baharu ganti
Pasir Gudang**

MOHD FIRDAUS YON

JOHOR BAHRU

Kerajaan Johor sedang merancang untuk mengenal pasti lokasi lain untuk dibangunkan

sebagai kawasan perindustrian baharu bagi menggantikan Pasir Gudang.

Menteri Besar, Datuk Osman Sapien berkata, kerajaan negeri melihat Pasir Gudang kini sudah tidak sesuai untuk diberikan kelulusan bagi pembinaan kilang-kilang.

"Kita sebenarnya memang tengah merancang. Kawasan itu sekarang ni akan dinaiktaraf ke bandar raya. Bermakna sudah ramai penduduk tinggal di situ sudah melebihi 600,000 orang.

"Jadi tempat itu agak tidak sesuai untuk kita memberikan kelulusan bagi membina kilang-kilang. Kita sedang merancang untuk mengenal pasti satu kawasan lain, mungkin jauh dari Pasir Gudang yang sesuai untuk kita berikan kelulusan sekiranya ada dalam kalangan pelabur yang mahu membina kilang sama ada industri ringan atau sederhana," katanya ketika selepas Konvensyen Kebangkitan Harimau Asia di Shah Alam, Selangor.



OSMAN

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai keperluan memindahkan industri berat dari Pasir

Gudang ke lokasi lain.

Osman berkata, pencemaran sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang diakuinya kesan dari pada kilang-kilang yang telah wujud lebih daripada 30 tahun dahulu.

"Pada ketika itu Pasir Gudang belum ada pembangunan yang pesat. Mungkin agak sesuai pada ketika itu, tetapi pada hari ini situasinya memang sudah tidak sesuai.

"Kalau boleh kita nak pindahkan ke tempat lain yang lebih menjamin dari

sudut alam sekitar di sana," katanya.

Beliau berkata, lokasi baharu itu berkemungkinan terletak sama ada di Kota Tinggi, Kluang atau Sedenak, Simpang Renggam.

"Kita juga sedang berusaha membangunkan beberapa kawasan industri contohnya di Sedenak," katanya.



UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA 3/4/2019



KONTRAKTOR yang ditugaskan membersihkan Sungai Kim-Kim mengambil sampel tanah, di Pasir Gudang, Johor Bahru, baru-baru ini. - UTUSAN/NUR AISYAH MAZALAN

Urus sisa toksik lebih baik

SAUDARA PENGARANG,

PEMBENTUKAN Jawatankuasa Kebangsaan Pengurusan Sisa-sisa Toksik dan Pembuangan Terjadual adalah tepat pada masanya dan perlu disokong semua pihak kerana ia dapat membantu menangani isu pembuangan sisa berbahaya di negara ini.

Dilaporkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menyiapkan draf akhir bagi penubuhan jawatankuasa itu ekoran kes pencemaran kimia di Sungai Kim Kim sebelum dihantar ke Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam-Sekitar dan Perubahan Iklim untuk kelulusan.

Saya percaya jawatankuasa itu platform tertinggi untuk membuat keputusan bagaimana mengurus sisa toksik dengan lebih baik supaya insiden Sungai Kim Kim tidak berulang.

Selain daripada JAS dan agensi lain berkaitan, jawatankuasa itu perlu melibatkan pakar dari institusi pengajian tinggi dan sektor swasta.

Mereka perlu mengkaji bagaimana sisa-sisa toksik dan

terjadual diuruskan di negara-negara maju supaya tidak membahayakan orang ramai dan alam sekitar.

Mereka juga perlu mencari jalan untuk meningkatkan aktiviti penguatkuasaan mengikut undang-undang sedia ada terutamanya Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Walaupun undang-undang sedia ada mengawal selia 77 jenis sisa berbahaya, pembuangan secara haram masih berleluasa kerana kekurangan penguatkuasaan manakala mereka yang terlibat pula cenderung mengelak daripada menanggung kos pelupusan dan pembayaran levi.

Insiden di Sungai Kim Kim hanyalah sebahagian kecil kes kerana terdapat banyak sungai dan jasad air lain di seluruh negara yang mungkin tercemar oleh bahan kimia toksik yang dibuang sewenang-wenangnya tanpa dikesan kerana pemantauan tidak dapat dijalankan 24 jam sehari.

Selain daripada pembuangan haram, sisa toksik juga boleh berpunca dari

tempat pembuangan dan tapak pelupusan sampah.


Kebanyakan tapak pelupusan dan pembuangan sampah tidak direka dengan betul di mana gas dan air resapan sampah (*leachate*) perlu dikumpul dan dirawat dengan betul sebelum dilepaskan ke alam sekitar.

Ini merupakan punca udara berhampiran tercemar dan berbau busuk sekali gus mencemari tanah dengan bahan berbahaya.

Lebih memburukkan keadaan, tempat pembuangan sampah haram semakin meningkat bagi menampung permintaan syarikat tempatan dan asing serta pengimport bahan buangan.

Saya berharap jawatankuasa yang bakal ditubuhkan itu akan turut mencadangkan pindaan undang-undang sedia ada agar mereka yang membuang bahan kimia dipaksa membayar kos pemulihan alam sekitar dan rawatan mangsa yang menderita akibat perbuatan tidak bertanggungjawab mereka.

TAN SRI LEE LAM THYE
Pengerusi NIOSH



UTUSAN MALAYSIA

20 **DALAM NEGERI**

UTUSAN MALAYSIA 3/4/2019

Langkah bomba menangani insiden gas beracun

SOP ditambah baik

Oleh **NURUL HUDA HASSAN**
 pengarang@utusan.com.my

■ **JOHOR BAHRU 2 APRIL**

JABATAN Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri akan mencadangkan untuk menambah baik prosedur operasi standard (SOP) dalam menangani insiden gas beracun seperti berlaku di Sungai Kim Kim di Pasir Gudang.

Pengarahnya, Datuk Yahaya Madis berkata, cadangan penambahbaikan itu akan dikemukakan pihaknya kepada ibu pejabat JBPM dalam masa terdekat sekali gus diharapkan akan diberi perhatian sejaraj usaha menaiktaraf kemampuan pihaknya berdepan insiden itu.

Menurutnya, cadangan yang akan dikemukakan kelak merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan peralatan kepada Unit Bahan Bahaya (Hazardmat), hasil daripada laporan penuh diterima pihaknya selepas proses post mortem berhubung kejadian itu dibuat.

"Post mortem berhubung kejadian (pencemaran sisa kimia

di Sungai Kim Kim) diadakan semalam dengan dipengerusi-kan Timbalan Pengarah JBPM Johor, Pauzan Ahmad, merangkap komander operasi selain kita juga sudah dapat laporan penuh.

"Semua maklumat diperlukan sudah kita peroleh, kita juga sudah mengadakan perbincangan dalam dan kita akan bentangkan ia kepada ibu pejabat supaya SOP sama dapat diguna pakai di masa akan datang," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Tambah Yahaya, beliau yakin aspek yang akan dikemukakan untuk diperkukuh serta dipertingkatkan perlu dititikberatkan terutama dengan wujudnya beberapa kawasan industri baharu seperti di Pengerang yang memerlukan pemantauan berterusan.

Yahya berkata, biasanya JBPM mampu menangani kes berkaitan pencemaran bahan kimia daripada punca yang

dapat dikesan dan boleh dilihat dengan mata kasar, namun kejadian di Sungai Kim Kim adalah unik serta tidak dapat dikesan kerana tidak dapat dilihat.

"Kali ini, kita (JBPM) diuji dengan peristiwa yang awalnya kita tidak tahu punca dari mana datangnya (bau) dan sebab apa... sehinggalah penemuan secara fizikal kemudian (sisa kimia di Sungai Kim Kim).

"Saya sifatkan kejadian di Pasir Gudang itu unik kerana tidak pernah berlaku sekali gus pengajarannya bukan sahaja bermanfaat kepada pihak bomba tetapi semua agensi terlibat dengan pengurusan bencana," katanya.

Beliau yakin, penambahbaikan SOP itu bukan saja dilakukan pihak JBPM tetapi semua agensi keselamatan lain akan turut mengemas kini SOP masing-masing dalam berdepan insiden seumpama itu.



YAHAYA MADIS

